

## Info Unit Pusat Setempat (OSC) Majlis Perbandaran Kluang.

### 1. Sejarah Kewujudan Unit Pusat Setempat

Di bawah Pakej Strategi Meningkatkan Keberkesanan Sistem Penyampaian (*Delivery System*) – Pakej Merancang Ekonomi (*Stimulus Economic Package*), Kerajaan telah menetapkan bahawa sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap diperlukan bagi menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan negara dalam zaman yang 'competitive age'


Mesyuarat Jemaah Menteri pada 21 Mac 2007 telah bersetuju supaya penubuhan Pusat Setempat di PBT adalah merupakan salah satu daripada inisiatif yang telah diputuskan di dalam Persidangan Mempertingkatkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan yang dilancarkan oleh Y.A.B Perdana Menteri pada 13 April 2007. Penubuhan Unit Pusat Setempat ini secara rasminya pada 13 Jun 2007 manakala bagi Negeri Johor, ianya telah dilaksanakan secara serentak pada 7 Jun 2007.



### 2. Matlamat

“Memendekkan masa proses permohonan secara serentak atau berasingan bagi cadangan pemajuan sekaligus meningkatkan sistem penyampaian prosedur dan proses cadangan pemajuan di Majlis Perbandaran Kluang”

### 3. Carta Organisasi



#### 4. Fungsi Unit OSC

- a. Bertindak sebagai Setiausaha Mesyuarat kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat yang di pengerusikan oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kluang.
- b. Menerima dan menyemak permohonan pelan-pelan pemajuan yang berkaitan daripada pemohon.
- c. Meneliti permohonan yang diterima memenuhi kehendak asas atau syarat-syarat yang ditetapkan.
- d. Membuat edaran kepada jabatan-jabatan dalaman untuk diproses dan agensi teknikal untuk ulasan dan pandangan.
- e. Memantau permohonan-permohonan yang telah di edar kepada jabatan/ agensi teknikal.
- f. Memaklumkan kepada jawatankuasa OSC mengenai permohonan yang diterima
- g. Mendapatkan maklumbalas lanjut daripada agensi teknikal sekiranya terdapat isu dan masalah.
- h. Mengumpul dan menyelaras kertas perakuan yang disediakan Jabatan Perancang Bandar dan Lanskap, Jabatan Pembangunan dan Jabatan Kejuruteraan, MPK.

#### 5. Peranan Jawatankuasa Pusat Setempat

- a. Menimbang dan membuat keputusan terhadap pelan-pelan pemajuan.
- b. Membuat perakuan dan memaklumkan keputusan terhadap permohonan di bawah kategori perihal tanah kepada Pejabat Tanah Daerah untuk dibawa pertimbangan Kerajaan Negeri.
- c. Menimbang dan membuat keputusan terhadap permohonan lain yang diletakkan di bawah Jawatankuasa OSC.
- d. Menyediakan pelaporan berkala kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Portal OSC untuk dibentangkan di kabinet.

#### 6. Prestasi Pada Tahun 2018 (Januari - Oktober 2018)

Jenis Permohonan	Bil. Mohon	Permohonan Dalam Proses	Permohonan Selesai	Selesai* Dalam Piagam	Selesai Melebihi Piagam
			(a) = b + c + d	(b)	(c)
Permohonan Serentak	88	13 (14.77%)	75 (85.23%)	54 (72.00%)	21 (28.00%)
Kebenaran Merancang	28	5 (17.86%)	23 (82.14%)	17 (73.91%)	6 (26.09%)
Pelan Kejuruteraan	9	1 (11.11%)	8 (88.89%)	5 (62.50%)	3 (37.50)
Pelan Bangunan	81	7 (8.64%)	74 (91.36%)	53 (71.62%)	21 (28.38%)
<b>Jumlah</b>	<b>206</b>	<b>26 (12.62%)</b>	<b>180 (87.38%)</b>	<b>129 (71.67%)</b>	<b>51 (28.33%)</b>

#### 7. Jenis-Jenis Permohonan Yang Diterima Dan Piagam

Bil	Definisi	Piagam
1.	Perihal Tanah (Pecah Sempadan dan Ubah Syarat) + Kebenaran Merancang + Pelan Bangunan + Pelan Kejuruteraan	111
2.	Perihal Tanah (Penyerahan balik dan Pemberimilikan Semula) + Kebenaran Merancang + Pelan Bangunan + Pelan Kejuruteraan	111
3.	Perihal Tanah (Pecah Sempadan dan Ubah Syarat) + Pelan Bangunan + Pelan Kejuruteraan	111

4.	Perihal Tanah (Penyerahan Balik dan Pemberimilikan Semula) + Kebenaran Merancang + Pelan Bangunan	108
5.	Perihal Tanah (Pecah Sempadan + Ubah Syarat) + Kebenaran Merancang + Pelan Kejuruteraan	111
6.	Perihal Tanah (Penyerahan Balik dan Pemberimilikan Semula) + Kebenaran Merancang + Pelan Kejuruteraan	111
7.	Kebenaran Merancang + Pelan Bangunan + Pelan Kejuruteraan	80
8.	Perihal Tanah (Pecah Sempadan + Ubah Syarat) + Kebenaran Merancang	108
9.	Perihal Tanah (Penyerahan Balik dan Pemberimilikan Semula) + Kebenaran Merancang	108
10.	Kebenaran Merancang + Pelan Bangunan	69
11.	Kebenaran Merancang + Pelan Kejuruteraan	80
12.	Pelan Bangunan + Pelan Kejuruteraan	80
13.	Perihal Tanah (Pecah Sempadan dan Ubah Syarat)	108
14.	Perihal Tanah (Penyerahan Balik dan Pemberimilikan Semula)	108
15.	Kebenaran Merancang (KM)	57
16.	Pelan lanskap	57
17.	Pelan Nama Taman	57
18.	Pelan Nama Jalan	57
19.	Pelan Kejuruteraan (PJ) termasuk Pelan Kerja Tanah, Pelan Jalan dan Parit, Pelan Lampu Jalan	57
20.	Pelan Kerja Tanah	57
21.	Pelan Jalan dan Perparitan dan Pelan Lampu Jalan	57
22.	Pelan Lampu Jalan	57
23.	Pelan Jalan dan Perparitan	57
24.	Pelan Kerja Tanah + Pelan Jalan Dan Perparitan	57
25.	Pelan Bangunan (PB)	37
26.	Permohonan melalui pengemukaan Borang E dan Pengeluaran CFO oleh PBT	14
27.	Pengemukaan Notis Penyiapan Berperingkat bagi Proses 3 (Notifikasi Mula Kerja), Proses 4 (Pemeriksaan Interim), Proses 5 (Pemeriksaan Akhir) & Proses 6 (Pendepositan CCC & Borang G).	
28.	Pengemukaan Laporan Ketidakpatuhan, pemantauan terhadap kerja-kerja pembetulan dan perakuan ke atas kerja pembetulan disediakan mengikut arahan Jawatankuasa OSC	


*Terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian bagi setiap permohonan iaitu :-*

- a. Semua jenis permohonan perlu dikemukakan kepada Unit Pusat Setempat Sahaja melalui OSC Online;*
- b. Hanya permohonan yang lengkap mengikut senarai semak akan diproses oleh pihak urusetia pusat setempat (OSC), Majlis Perbandaran Kluang;*


- c. *Proses Pre-Consultation di antara pemohon dengan mana-mana jabatan/ agensi teknikal adalah merupakan proses yang digalakkan (tidak mandatori);*
- d. *Selepas mengemukakan permohonan, adalah menjadi tanggung jawab pemohon untuk mengadakan rundingan dengan jabatan/ agensi untuk penjelasan atau pindaan pelan selanjutnya;*
- e. *Pemohon hendaklah mematuhi syarat-syarat dan membuat pindaan berdasarkan ulasan yang diberikan;*
- f. *Norma masa memproses permohonan yang ditunjukkan dalam jadual adalah berdasarkan kepada permohonan yang telah mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dan semua pindaan telah dibuat; dan*
- g. *Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat akan menimbang dan membuat keputusan ke atas permohonan kebenaran merancang, pelan bangunan, dan pelan kerja tanah dan keputusan akan dimaklumkan di dalam Mesyuarat Majlis Penuh.*

## 8. Kaedah Mengemukakan Pelan Pemajuan

### Carta Alir Proses Permohonan OSC



## Diagram Proses Kerja 'OSC Online'



## Modul - Modul 'OSC Online'

No	Modul	Keterangan
1	<b>Pendaftaran Pengguna</b>	Pendaftaran pengguna sistem yang dibahagi kepada 2 kategori iaitu Orang Utama yang Mengemukakan (Principal Submitting Person - PSP) dan Orang Awam.
2	<b>ePenyerahan</b>	Landasan penyerahan permohonan, dokumen dan pelan secara digital atas talian (online) kepada PBT yang berkaitan dengan cadangan pemajuan.
3	<b>eProses</b>	Landasan bagi PBT memproses dan memantau permohonan serta juga bagi agensi teknikal dalaman dan luaran untuk memberikan ulasan secara online.
4	<b>eRujukan</b>	Landasan rujukan kepada pelanggan PBT berkaitan dengan prosedur dan syarat - syarat perkhidmatan yang ditawarkan.
5	<b>ePermintaan Perkhidmatan</b>	Landasan kepada pelanggan PBT untuk memohon perkhidmatan berkaitan dengan cadangan pemajuan.
6	<b>ePanduan</b>	Landasan maklumat dalam format GIS mengenai status perkembangan terkini di kawasan cadangan pemajuan.
7	<b>eAduan</b>	Landasan aduan mengenai perkhidmatan yang ditawarkan.
8	<b>eTanya</b>	Landasan pertanyaan untuk pelanggan PBT.
9	<b>eKad Laporan</b>	Landasan bagi pelanggan PBT untuk menilai perkhidmatan yang diberikan.
10	<b>eBayaran</b>	Saluran pembayaran secara online.

## 9. Kaedah Bayaran

Lokasi	Kaedah
Kaunter Utama, Aras Bawah, Wisma Majlis Perbandaran Kluang.	1. Tunai. 2. Cek Bayaran hendaklah dibuat didalam 1 cek atas nama : ○ MAJLIS PERBANDARAN KLUANG